

Buktikan anggota Kabinet terlibat **PKPM — PM**

UM - 3 AUG 2003

SEREMBAN 2 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta Ketua Pasukan Tindakan Cemas Malaysia (PT-CM), Ketua Staf Munsyi Muslim Yacob membuktikan dakwaan beliau kononnya terdapat anggota Kabinet yang turut terlibat dalam kumpulan haram, Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM).

Perdana Menteri berkata, semua pihak boleh membuat dakwaan seumpama itu tetapi ia perlu dibuktikan terlebih dahulu.

Beliau juga menegaskan, ji-

ka gagal membuktikan dakwaannya, tindakan akan diambil.

“Kena tunjuk bukti (dakwaan), semua orang boleh cakap tetapi ini tidak bermakna ada menteri Kabinet terlibat,” katanya kepada pemberita ketika ditemui di Kondominium Peranginan PNB di sini, sejurus tiba bagi menghadiri majlis makan malam Badan Kebajikan dan Sukan Pejabat Perdana Menteri, malam ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas laporan akhbar memetik Munsyi sebagai berkata, ada

bukti bahawa menteri Kabinet terlibat dengan PKPM.

Sebuah akhbar bahasa Inggeris hari ini memetik laporan sebuah akhbar berbahasa Cina mengenai dakwaan Munsyi itu.

Laporan itu turut memetik Munsyi sebagai berkata, bahawa Ketua PKPM, Nor Azami Ahmad Ghazali ialah ahli PTCM.

Munsyi seterusnya memberitahu, Nor Azami menyertai PTCM pada Mei tahun lalu tetapi disingkirkan kemudian.